

# NAHWAN NUR Mengungguli Festival Nasyid Kemerdekaan IPT Peringkat Kebangsaan Kali Ke-6

👉 Mohd Izwan Izhar Haris



Kangar, 12 Oktober 2009 - Festival Nasyid Kemerdekaan IPT kali ke-6 yang menjadi acara tahunan yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Perlis telah menyaksikan Kumpulan Nahwan Nur dari Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadi Johan. Kemenangan ini membuktikan Nahwan Nur belum mempunyai tandingan setelah 4 kali menjadi Johan berturut-turut pada Festival nasyid ini. Mereka telah berjaya membawa pulang RM 2,500.00, piala pusingan, piala iringan, hamper dan sijil penghargaan. Nahwan Nur juga telah memenangi Kategori Persembahan Terbaik dan berjaya membawa pulang wang tunai RM 500.00. Kumpulan IN-TRACK-SEE dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjaya mendapat Naib Johan dan berjaya membawa pulang wang tunai berjumlah RM 2,000.00 piala iringan, hamper, dan sijil penghargaan. Manakala kumpulan In-Shoff dari universiti tuan rumah UniMAP, telah berjaya meraih Tempat Ketiga dan berjaya membawa pulang RM1,500.00, piala iringan, hamper dan sijil penghargaan.

Pada Festival yang ke-5 yang bertemakan 'Kesyumulan Islam Nadi Kegemilangan Ummah' ini, telah disertai oleh 11 buah Universiti di peringkat saringan yang diadakan oleh, Ustaz Faisol Bin Yusoff dari Jabatan Agama Islam Negeri Perlis, Encik Mohd Pauzi Bin Othman (Abanji) komposer lagu-lagu nasyid dan diketuai oleh Encik Megat

Mohd Noor Megat Teh yang merupakan Pensyarah Muzik, Institut Perguruan Negeri Perlis. Setiap Kumpulan Nasyid dari setiap universiti hanya dibenarkan menyampaikan sebuah lagu pada peringkat saringan ini.

Kelainan pada festival kali ini, yang membenarkan iringan lagu berbentuk 'Minus One' telah melayakkan 6 buah universiti terpilih ke Peringkat Akhir iaitu Kumpulan UTAMA (UUM), Kumpulan Nahwan Nur (UPM), Kumpulan Firasat Inzar (UKM), Kumpulan Damai (UNIMAS), Kumpulan IN-TRACK-SEE (USIM) dan Kumpulan In-Shoff (UniMAP). Setiap kumpulan dikehendaki menyampaikan 2 buah lagu mengikut tema pada Peringkat Akhir pertandingan tersebut. Panel hakim yang mengadili peringkat akhir pertandingan tersebut adalah terdiri daripada Encik Muhammad Akmaluddin Bin Samsudin, vokalis dan komposer dari Kumpulan Mirwana, Saudara Shafie Ahmad (Pak Long) yang merupakan penyanyi serta komposer lagu-lagu ketuhanan dan nasyid, dan diketuai oleh Saudara Che Amran Idris iaitu Vokalis dari Kumpulan Nasyid Popular Raihan. Kumpulan Mirwana turut dijemput melakukan persembahan pada festival tersebut. Hadiah disampaikan oleh Y. Bhg. Brig. Jen. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP.